

PERLAKSANAAN MODEL KURIKULUM TURATH DI MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI NEGERI SELANGOR

Zetty Nurzuliana Rashed¹
zetty@kuis.edu.my

Mardhiah Yahaya¹
mardhiah@kuis.edu.my

Norfariza Mohd Radzi²
norfariza@um.edu.my

Mohd Faez Ilias¹
faez@kuis.edu.my

Ahmad Ala'uddin Kamal³
Alauddin.mitsbl@gmail.com

Ainul Hayat Abdul Rahman¹
aeinul209@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor¹
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya²
Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Bagan Lalang³

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka matlamat dan halatuju pendidikan tahfiz sains di Selangor dan membandingkannya dengan tuntutan Falsafah Pendidikan JAIS serta keselarasannya dengan tuntutan perkembangan zaman. Institusi tahfiz yang berkualiti seharusnya memenuhi beberapa ciri utama iaitu membina potensi pelajar secara seimbang, bersepadu dan menyeluruh, inovatif dan kreatif, mengambil kira tuntutan zaman dan perkembangan semasa serta berpaksikan prinsip tauhid. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah mengkaji latar belakang, matlamat dan hala tuju Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor, kedua, adalah meneliti kurikulum Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor. Dan ketiga adalah meneroka kemudahan dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak pengurusan Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor. Kajian ini adalah merupakan kajian rintis dan ianya menggunakan rekabentuk kajian kualitatif. Temubual dilaksanakan terhadap pengurus sekolah dan guru penolong kanan tahfiz. Beberapa dokumen juga telah diteliti seperti dokumen penubuhan sekolah dan dokumen kurikulum yang dilaksanakan. Dapatan kajian rintis ini mendapati, ia merupakan salah sebuah maahad tahfiz di Selangor yang menjadi pusat warisan ilmu bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dari segi ilmu dan akhlak. Maahad tahfiz ini menggunakan kurikulum turath bersama kitab Turath yang diintegrasikan dengan kurikulum kebangsaan. Dari aspek prasarana, ia disediakan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Kata kunci: Kurikulum, Integrasi, Turath, Pendidikan Tahfiz

1.0 PENDAHULUAN

Tahfiz berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu hafiz yang bermaksud ‘yang menyimpan’ atau ‘yang menanggung amanah’. Hafiz juga merupakan salah satu daripada nama Allah S.W.T dalam Asma-ul-Husna. Bagi masyarakat kita, gelaran hafiz diberikan kepada mereka yang menghafal al-Quran secara sempurna. Mereka menghafal keseluruhan isi al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W secara talaqqi dan musyafahah kemudian dihafal oleh baginda S.A.W. Seterusnya, hafalan tersebut disampaikan kepada para sahabat.

Pada ketika itu, kalam al-Quran dipelihara melalui tiga kaedah iaitu kaedah talaqqi musyafahah, hafazan dan penulisan al-Quran yang telah diamalkan dalam sistem Pendidikan terutamanya di Malaysia sehingga kini (Farah et.al 2019). Menurut artikel yang di keluarkan oleh laman sesawang ‘The Patriot’, sejarah menghafaz al-Quran di Malaysia secara rasminya telah bermula dengan penubuhan maahad Tahfiz oleh Perdana menteri yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1996.

Institusi tahfiz semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kini. Ramai ibubapa dan masyarakat telah membuka mata tentang kepentingan al-Quran dalam kehidupan seharian. Perkembangan terkini telah menunjukkan bahawa institusi tahfiz atau sekolah aliran hafazan al-Quran sering mendapat tempat dihati masyarakat kini. Setiap daripadanya acapkali menawarkan sistem pengurusan pentadbiran dan kaedah yang tersendiri dan pelbagai. Pendidikan Tahfiz di Malaysia telah bermula sejak tahun 1966 dengan penubuhan kelas pengajian menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara oleh arahan Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Norlizah, Fathiyah et.al 2015). Seramai 8 orang pelajar merupakan perintis kepada kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat. Kelas tersebut dipimpin oleh Mohd Nor Hj. Ibrahim selaku Mufti negeri Kelantan. Antara pelajar yang terlibat ialah Abu Hassan bin Lebai Din, Syeikh Ismail bin Mohamad, dan Salehuddin bin Omar (JAKIM 2003).

Pertubuhan institusi tahfiz bukan sahaja melahirkan golongan penghafaz al-Quran semata-mata, bahkan ianya turut dilihat sebagai salah satu cara ke arah melahirkan golongan profesional yang dipasakkan jiwanya dengan kekuatan al-Quran di samping mewujudkan sistem hafazan dan pengajian al-Quran yang sistematik dan efisien selaras dengan matlamat dan halatujunya (Hisyam et.al 2014).

Umat Islam terkenal sebagai umat yang sentiasa peka serta berusaha ke arah memelihara kesucian al-Quran. Buktinya usaha yang dilakukan telah mewujudkan maahad tahfiz yang banyak di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia (Hisham 2014). Menurut kajian yang dilakukan oleh Solahuddin (2018) menyatakan di Selangor terdapat sebanyak 65 pusat tahfiz yang didaftarkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dengan bertambahnya institusi tahfiz maka akan bertambah juga kepelbagaian dalam kaedah pengajaran, dasar, model dan kurikulum yang digunakan bagi sesebuah institusi tersebut.

Kerancangan pembangunan institusi tahfiz telah mewujudkan dua aliran pendidikan tahfiz iaitu kerajaan dan swasta. Institusi Tahfiz kerajaan merujuk kepada institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri manakala institusi tahfiz swasta pula diuruskan secara persendirian oleh individu atau sesebuah organisasi (Solahuddin 2016). Menurut Azmil Hashim dan Misnan Jemali (2015) menyatakan perkembangan pendidikan tahfiz di kebanyakan negeri di Malaysia sangat pesat dengan bertambahnya bilangan dan peratusan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat dari masa ke masa. Sambutan daripada masyarakat yang amat menggalakan telah meningkatkan pertumbuhan institusi tahfiz di Malaysia. Senario ini telah mendorong ibubapa dan masyarakat untuk memilih institusi tahfiz swasta bagi memenuhi peluang yang terhad dalam institusi pendidikan tahfiz.

Menurut Solahuddin (2018) lagi golongan huffaz di Malaysia merupakan aset yang penting bagi menjalankan misi dakwah kepada masyarakat. Kesedaran masyarakat telah terjadinya perkembangan institusi tahfiz dalam negara bagi menampung permintaan yang tinggi terhadap institusi ini. Tempat yang terhad dalam institusi kerajaan telah memberi kelebihan kepada institusi tahfiz swasta untuk berkembang dengan jayanya. Namun begitu, terdapat beberapa perbezaan diantara institusi tahfiz kerajaan dan institusi tahfiz swasta iaitu dari segi kurikulum dan model pengajaran yang digunakan.

Oleh itu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengambil inisiatif dalam menubuhkan beberapa institusi Tahfiz Sains seiring dengan falsafah Pendidikan Islam JAIS bagi melakukan usaha yang berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal berakhlak mulia dan berketerampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertakwa dunia dan akhirat. Maahad Tahfiz Sains Integrasi (MITS) di bawah kelolaan JAIS telah mendirikan empat buah MITS iaitu di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang. (JAIS 2016)

Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) telah melaksanakan kurikulum Pendidikan Islam JAIS, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (aliran sains tulen) dan kelas tahfiz al-Quran. Seiring dengan objektifnya untuk melahirkan saintis dan profesional yang menghafaz dan menghayati al-Quran, konsep pendidikan holistik yang digunakan dalam kurikulum MITS membolehkan pelajar mempelajari tiga sistem pendidikan iaitu sukatan al-Azhar, sukatan KBSM dan sukatan Tahfiz (Rasyidah 2017). Ini akan melahirkan golongan pelajar yang bukan hanya mahir menghafaz al-Quran akan tetapi dapat melahirkan golongan ulama profesional.

Matlamat utama institusi pengajian Tahfiz ialah melahirkan para huffaz yang berketerampilan dalam semua bidang atau melahirkan para huffaz yang mahir isi al-Quran, berilmu, beramal, bertakwa dan cekap tentang ilmu al-Quran serta dapat merealisasikannya dalam masyarakat (Muhammad Ismail 2004). Oleh itu, institusi tahfiz di Negara ini perlu diperkasakan lagi agar setaraf dengan bidang pendidikan yang lain. Perkembangan sistem pendidikan hafazan al-Quran di Malaysia sangat menarik untuk dikaji bagi usaha menjadikan sistem pengurusan pendidikan pengajian hafazan al-Quran lebih tersusun dan sistematik demi untuk kebaikan masyarakat Islam secara keseluruhannya.

Perkembangan terkini tentang institusi tahfiz menunjukkan bahawa sekolah aliran yang menawarkan aliran menghafaz al-Quran atau tahfiz al-Quran mula mendapat perhatian daripada pelbagai lapisan masyarakat kini. Permintaan daripada ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah aliran agama melebihi daripada tawaran dan kesanggupan pihak pentadbir bagi menyediakannya (Mardhiah at.el, 2018). Oleh yang demikian, penubuhan institusi tahfiz yang sesuai dengan keperluan masyarakat kini perlu dalam melahirkan huffaz yang cemerlang bukan sahaja dari segi hafazan al-Quran malahan dari segi kemahiran sosial dan akademik serta sistem pengurusan yang sistematik.

Pelbagai isu yang berkaitan dengan pendidikan tahfiz telah hangat dibincangkan demi menjadikan tahfiz lebih terarah dan tersusun dari pelbagai sudut. Antara isu yang sering dibangkitkan dalam pendidikan tahfiz ialah berkaitan dengan matlamat dan halatuju pendidikan tahfiz dalam melahirkan huffaz yang berkebolehan bukan sahaja dalam bidang agama tetapi juga dalam bidang akademik. Ianya meliputi jenis kurikulum dan model yang digunakan tidak selaras, kelayakan ikhtisas perguruan serta prasarana dan infrastruktur sekolah. Selain itu, kelemahan pihak pengurusan tahfiz yang lemah juga menjadi salah satu isu yang sering dibangkitkan (Mardhiah, 2018).

Kepelbagaian aliran pemikiran, orientasi, bentuk, halatuju, matlamat dan objektif serta kurikulum dalam sistem pengajian maahad tahfiz adalah sesuatu yang sangat mendesak untuk difikirkan secara serius kerana ianya memberi implikasi yang besar kepada sistem pendidikan secara keseluruhan (Nawi, Hisyam, 2014). Pendidikan tahfiz secara moden telah memainkan peranan yang sangat penting bagi melahirkan huffaz yang berintegriti. Pendidikan tahfiz al-

Quran secara moden ialah pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun iaitu meliputi dari sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan dari segi infrastrukturnya (Mardhiah, 2018).

Menurut Hasyim et.al (2013), menyatakan bahawa objektif umum penubuhan institusi tahfiz al-Quran adalah untuk melahirkan huffaz, qurra' dan du'at yang mahir lagi berketerampilan selaras dengan keperluan ummah dan negara. Menurut kajian mereka lagi, objektif khas bagi menumpukan kepada penubuhan institusi tahfiz adalah bagi melahirkan huffaz yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran bagi memelihara kesucian dan kesahihannya dan seterusnya dapat membentuk generasi al-Quran yang bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah.

Zaman kini menunjukkan institusi tahfiz berusaha menawarkan pendidikan yang menepati konsep kesepaduan yang lebih tepat (Hisyam, 2011). Pengajian tahfiz tidak hanya terhad kepada kaedah menghafaz al-Quran dan pengajian al-Quran semata-mata. Menurut Solahuddin (2016), terdapat sebahagian besar daripada beberapa institusi di Malaysia yang menggabungkan ilmu hafazan quran dengan ilmu-ilmu yang lain malah ada sebahagian daripada institusi tahfiz menggabungkan ilmu hafazan dengan ilmu-ilmu konvensional lain yang lebih bersifat kemahiran.

Institusi tahfiz memerlukan transformasi dan pendekatan baru bagi meneruskan kelangsungan untuk mengangkat kedudukan al-Quran ke tahap yang sepatutnya. Menurut kajian Solahuddin (2016), institusi tahfiz seharusnya memberi fokus kepada prinsip utama bagi melahirkan huffaz yang jika digabungkan dengan disiplin ilmu sekalipun tidak akan hilang ilmu al-Quran di dalam jiwa mereka. Justeru itu, penelitian yang baik dan jelas perlu dibuat bagi melihat apa yang perlu diubah dan apa yang perlu dikekalkan agar institusi tahfiz yang ingin dibangunkan ini berjaya mencapai halatuju dan sasarannya.

2.0 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Minat masyarakat terhadap pendidikan agama terutamanya pendidikan tahfiz sangat tinggi. Justeru itu, ianya dapat dilihat dengan banyak penubuhan maahad tahfiz di Malaysia termasuk penubuhan institusi swasta. Menurut Noor Hisham (2014), matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan setiapnya berbeza-beza antara satu sama lain. Sebahagian daripadanya memberi penumpuan sepenuhnya terhadap aspek hafazan sahaja. Manakala sebahagian yang lain memberi penimbangan kepada beberapa komponen lain dengan kadar yang berbeza seperti pengajian akademik, kemahiran tertentu dan sebagainya.

Pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah juga merupakan salah satu isu yang sering diperkatakan kini. Ini kerana, pengurusan pentadbiran merupakan salah satu tunjang kejayaan kecemerlangan kepada sesebuah institusi tahfiz (Mardhiah at al, 2018). Hasil daripada kajian lepas yang dilakukan mendapati bahawa, tanpa kerja keras daripada pihak pengurusan pentadbiran sesebuah institusi sukar untuk membangun dan mencapai kecemerlangan. Menurut Kamarudin (1989), pengetua merupakan watak utama di dalam sistem sekolah kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesebuah institusi tahfiz.

Dalam kajian lain yang dilakukan oleh Mardhiah (2018), sebagai seorang pentadbir pengetua perlu membawa pengawai-pengawai di bawahnya dan keperluan organisasi ke dalam bentuk kesepaduan bagi mencapai operasi yang berkesan. Ini menunjukkan bahawa, peranan sesebuah ketua dan pemimpin dalam sesebuah organisasi terutamanya dalam institusi tahfiz perlu dilakukan dengan bijak dan kreatif bagi merangka strategi dan lebih penting dalam melahirkan huffaz yang mahir dalam bidang akademik terutamanya bidang sains.

Dalam kajian Hisham (2014), komponen agama dan ilmu waqie secara serentak dalam satu sesi pembelajaran beserta dengan subjek hafazan yang ada mengakibatkan waktu pembelajaran terlampau padat. Ini kerana, konsep kesepaduan disifatkan masih lemah kerana ketiadaan

model yang jelas dan ketiadaan guru opsyen yang berwibawa. Manakala kajian yang telah dilakukan oleh Mardhiah (2017), menyatakan bahawa punca pelajar tidak dapat menghabiskan pengajian muqarar al-Quran kerana masa yang terlalu padat dan kegagalan pelajar mengatur masa dengan baik.

Kekuatan kaedah menghafaz al-Quran merupakan salah satu faktor yang akan mempengaruhi kualiti serta keberkesanan hafazan bagi seseorang penghafaz al-Quran. Pelaksanaan kaedah atau metod ini juga adalah berbeza dalam aspek-aspek yang tertentu dan ianya turut mempunyai aktiviti pembelajaran asas yang hampir sama (Nordin,2018). Oleh yang demikian, satu kajian perlu dilakukan bagi mengetahui dan mengesahkan metod atau kaedah manakah yang sesuai dan terbaik untuk diamalkan bagi memastikan kualiti hafazan meningkat dikalangan para huffaz.

Oleh itu, kelemahan sistem pendidikan ini berkaitan rapat dengan pelaksanaan kurikulum bagi sesebuah institusi Tahfiz. Menurut kajian yang dilakukan oleh Noor Hisham dan Nasrun Hakim (2011) yang dibentangkan pada Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam (ISPEN-i) menyatakan bahawa sebahagian daripada kurikulum institusi tahfiz terikat dengan kerangka dualisme pendidikan yang menghasilkan produk pendidikan yang melahirkan golongan agamawan yang terpisah dari konteks realiti kehidupan berzaman. Oleh yang demikian, sistem pengajian yang dilaksanakan tidak berpandukan kepada kaedah pengajaran yang khusus dan teratur (Wan Muhammad,1995).

Ini menunjukkan bahawa bahayanya fahaman dualisme pendidikan yang semakin menular dalam negara. Oleh yang demikian, ianya akan memberi kesan kepada kelemahan pelajar seperti menghafaz al-Quran tetapi mereka tidak memahaminya kerana tidak diberi pendekatan yang baik tentang bahasa Arab dengan secukupnya. Menurut Zuraidah dan Hajah Aizan (2014), sistem pendidikan yang bersifat dualistik akan menimbulkan kesukaran dalam melahirkan manusia yang seimbang dari segi mental, jasmani dan rohaninya.

Penekanan kepada disiplin akal yang keterlaluan akan mengakibatkan berlakunya pengabaian kepada aspek keagamaan dari segi kerohanian. Maka terhasilah dua kelompok generasi muda yang berbeza iaitu pertama, kumpulan pelajar yang terlalu mementingkan daya intelek tanpa penghayatan agama dan kerohanian yang tinggi manakala yang kedua ialah kumpulan ahli agama yang tidak dapat menguasai ilmu dari disiplin akidah (Tajul, 1988).

Oleh yang demikian, maka akan terhasil kesan negatif dari fenomena ini iaitu terlahirnya pemisah diantara golongan ulama dan profesional dan antara ulama dan umarak. Justeru itu, cendekiawan Islam telah memperkenalkan gagasan pendidikan bersepadu untuk mengembalikan semula sistem pendidikan Islam ke landasannya yang asal dengan adanya dua entiti yang paling asas iaitu kesepaduan manusia dan kesepaduan ilmu (Noor Hisham et al, 2014)

Sistem kurikulum pendidikan yang baik dapat melincinkan perjalanan pentadbirannya bahkan ianya juga dapat menghasilkan produk yang terbaik iaitu pelajar dan huffaz yang mampu memenuhi kehendak pasaran. Menurut Solahuddin (2016), kurikulum program pengajian tahfiz seluruh negara harus diselaraskan bagi menjaga kualiti dan mutu pengajian bagi sesebuah institusi tahfiz. Dengan adanya kurikulum tahfiz yang standard dan berkualiti, para huffaz yang dilahirkan akan lebih berdaya saing dan berkeyakinan kerana mereka dididik dan diuji di bawah satu kurikulum yang sama.

Pengaruh amalan pembelajaran pelajar mempunyai pelbagai metode atau kaedah dimana ianya memberikan impak yang berbeza mengikut kaedah yang diterapkan. Oleh yang demikian, kaedah pengajaran yang berkesan dapat memudahkan pelajar tahfiz dalam meningkatkan kualiti hafazan mereka. Menurut Azmil (2010), kebanyakan institusi tahfiz yang wujud masih lagi bergerak dalam haluan mereka sendiri tanpa modul pengajaran yang standard yang diguna pakai. Ini akan menyebabkan sistem kurikulum pendidikan yang diguna pakai tidak selaras dan bebas menggunakan kaedah pengajaran sendiri.

Keunggulan sesebuah institusi banyak bergantung kepada kekuatan tenaga pengurusan pentadbiran dan kakitangan sokongan. Selain itu, tenaga akademik, pentadbir dan kakitangan sokongan perlu diberikan penekanan dalam pembangunan modal insan dengan minda kelas pertama (Ahmad, 2015). Menurut kajian Azmil (2014), punca kelemahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz ialah para guru didapati masih lagi mengekalkan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz.

Kelemahan dalam pencapaian hafazan pelajar dikenal pasti berpunca daripada kekurangan dalam gaya pembelajaran tahfiz iaitu pelajar tidak mempunyai kaedah dan motivasi dalam pembelajaran tahfiz (Azmil et.al, 2014). Proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang tersusun masih belum dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana kemahiran ikhtisas perguruan yang ditawarkan dalam institusi-institusi pendidikan tidak banyak menyumbang dalam kemahiran ikhtisas perguruan tahfiz (Azmil Hashim et. al, 2013). Ini kerana, sistem pengajian yang dilaksanakan tidak berpandukan kepada kaedah pengajaran yang khusus dan teratur.

Menurut kajian yang dibuat oleh Mardhiah (2017), hampir separuh daripada pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab tidak dapat menghabiskan hafazan mereka sehingga lima tahun pengajian. Ini juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) yang menyatakan bahawa pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa enam semester.

Faktor lain yang telah dikenalpasti menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini adalah kelemahan dalam pengajaran tahfiz dan guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz (Marzuqi, 2008). Laporan dari Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) mendapati bahawa guru tahfiz khususnya dari Madrasah Tahfiz Swasta tidak terlatih dalam bidang pendidikan dan lebih khusus dalam bidang pendidikan tahfiz al-Quran (Nordin,2018). Ini kerana, sistem pengajian yang dilaksanakan tidak berpandukan kepada kaedah pengajaran yang khusus dan teratur. (Wan Muhammad,1995).

Ringkasnya, matlamat manakah yang lebih diutamakan untuk dicapai samada melahirkan ulama huffaz yang celik sains atau profesional huffaz yang menghayati agama atau gabungan kedua-duanya? Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka matlamat dan halatuju pendidikan tahfiz sains di Selangor serta meneliti dengan lebih terperinci tentang pelaksanaan sistem pengurusan pendidikan tahfiz bagi memperbaiki kelemahan serta meningkatkan kekuatan yang bakal dihadapi oleh pihak pengurusan tahfiz agar ianya dapat menjadikan institusi tahfiz yang lebih bersistematik, berwawasan dan mempunyai halatuju berlandaskan dasar dan matlamat yang ditetapkan.

Sistem pengurusan pendidikan tahfiz yang teratur dan sistematik sangat diperlukan agar perjalanan sistem pendidikan dan pentadbirannya berjalan dengan lancar dan teratur. Oleh itu, institusi tahfiz di negara perlu diperkasakan lagi agar setaraf dengan bidang pendidikan yang lain. Sistem perkembangan hafazan al- Quran di Malaysia sangat menarik untuk dikaji bagi usaha menjadikan sistem pengurusan pendidikan pengajian hafazan al-Quran lebih tersusun dan sistematik demi untuk kebaikan masyarakat Islam secara keseluruhannya.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji latar belakang, matlamat dan hala tuju Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor.
2. Meneliti kurikulum yang dilaksanakan dalam Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor.

3. Meneroka kemudahan dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak pengurusan Pendidikan Tahfiz Sains Negeri Selangor.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif iaitu pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen, kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian dalam bilik darjah. Menurut Cresswell (2005), kajian kualitatif ini untuk mengkaji fenomena yang kompleks seperti individu, organisasi, hubungan dan lain-lain. Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif yang dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan terperinci bagi mengekalkan keasliannya secara holistik (Patton, 1990). Kaedah kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar terhadap persekitaran lokasi kajian (Yin, 1994). Kajian ini dijalankan di salah sebuah institusi Maahad Intergrasi Tahfiz Sains dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Kajian ini memilih untuk menggunakan teknik persampelan iaitu persampelan bertujuan (purposive sampling). Menurut Gall et.al (2003), persampelan bertujuan dalam satu kajian biasanya menggunakan saiz sampel yang kecil kerana dapat membantu pengkaji memahami sesuatu pemerihaln fenomena yang dikaji dengan lebih mendalam. Menurut Chua (2006) berpendapat, kajian kualitatif tidak perlu melibatkan populasi yang ramai kerana mempunyai data demografi yang sama dan tidak mempunyai ciri-ciri pemboleh ubah yang berbeza. Peserta kajian telah dipilih setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- i. Pengetua sekolah Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) yang dilantik dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- ii. Pegawai Jabatan Agama Islam Selangor JAIS bahagian pengurusan Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS).

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menjawab soalan kajian 1, beberapa tema dan sub tema telah dikenalpasti. Dapatan kajian ini diperoleh daripada dua orang peserta kajian yang telah ditemubual. Bagi memudahkan dalam menjelaskan data dari pada GPI, pengkaji telah mengkodkan setiap peserta kajian dengan nama khusus contohnya peserta kajian 1 diringkaskan sebagai PS 1 sebagai peserta kajian 1 dan peserta kajian 2 sebagai PS 2.

Berdasarkan kepada dapatan rintis kajian yang dijalankan pada 10 Mac 2020 oleh pengkaji di Maahad Tahfiz yang berada di Bagan Terap. Berdasarkan kepada objektif pertama, pengkaji telah keluaran tema berkaitan dengan latar belakang, matlamat dan hala tuju pendidikan tahfiz negeri Selangor.

Dari aspek latar belakang sekolah peserta kajian 1 menyatakan bahawa sekolah ni merupakan sekolah yang ketiga ditubuhkan selepas MITS Kuala Langat dan MITS Klang. Menurut pandangan PS 1 “pada mulanya, sekolah kita ni beroperasi di ILDAS. Disebabkan kita belum ada tapak sekolah yang bersesuaian. Kita tumpang di sana selama tiga tahun, dari tahun 2013 hingga 2015. Kemudian pada tahun 2016, pada awal bulan Januari kita pun pindah ke kawasan sini”.

Dari aspek visi sekolah ini adalah ingin menjadikan MITS Sabak Bernam ni sebagai satu pusat warisan ilmu. Menurut PS1 “MITS Sabak Bernam ni sebagai salah satu pusat warisan ilmiah

bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dari segi ilmu dan akhlakunya sekali”. Dengan berbekalkan matlamat yang jelas yang diinspirasi oleh Falsafah Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), sekolah ini ditubuhkan untuk melahirkan pelajar yang seimbang di dunia dan akhirat. Menurut PS 1 “kita pula nak mendidik pelajar dengan keperibadian dan nilai-nilai roh Islam dalam diri mereka. Matlamat kita juga nak memperkembangkanlah potensi pelajar-pelajar kita ni bukan hanya setakat bidang akademik tapi juga bidang agama dan juga aktif dalam kokurikulum. Kita nak seimbangkan kedua-duanya”. Di samping itu juga, matlamat penubuhan sekolah ini adalah untuk melahirkan pelajar yang memberi manfaat kepada ummah sebagaimana yang dijelaskan oleh PS 2 “Selain itu, matlamat kita juga nak melihat pelajar-pelajar ni kita dapat peluang untuk mereka melanjutkan pelajar diluar mahupun dalam negara dalam bidang-bidang yang mereka ingini lah. Kita nak kualiti produk kita tu dapat memberikan manfaat kepada ummah lah”.

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, terdapat beberapa tema dan sub tema yang telah dikenalpasti. Dari aspek bentuk kurikulum pendidikan tahfiz, sekolah ini menggunakan kurikulum turath. Menurut PS 2, “sekolah kita ni juga merupakan satu-satunya sekolah yang ada aliran turath atau kurikulum Turath lah selain dari kurikulum Tahfiz dan KBSM. Antara keempat-empat MITS ni kita lah yang pertama ada aliran turath. PS 1 juga berpandangan “sistem turath ni memang kita ambik dari Sekolah Imtiyaz di Terangganu memandangkan kita ada sorang guru yang terlibat dengan sistem penggubalan di sekolah tu”. Jelasnya, kurikulum merupakan aspek utama yang menjadi tunggak dalam proses pembelajaran. Pembinaan kurikulum yang baik penting bagi memastikan hasil akhir pendidikan yang diharapkan terutamanya dalam konteks MITS Sabak Bernam yang merupakan sekolah tahfiz yang mengendalikan kurikulum tahfiz, dini dan KSSM secara komprehensif.

Hasil pembelajaran pendidikan tahfiz yang disasarkan kepada pelajar tahfiz di sekolah ini adalah perlu khatam 30 juz al Quran. Menurut PS 1 “dari segi hasil pembelajaran tahfiz, pelajar akan dapat menghafaz 30 juzuk mengikut silibus dan aturan yang diberikanlah”. Dari aspek perlaksanaannya adalah mengikut kepada silibus yang disediakan oleh pihak sekolah. Menurut PS 1 dalam jadual pembelajaran ada dimasukkan subjek tahfiz. Pernyataan PS 1: “contohnya di sini subjek tahfiz hanya 2 jam iaitu empat masa dari pukul 7.30 hingga 9.30 lah. Budak akan menghafaz dan kadangkala kita akan melakukan tahriri bagi mengukuhkan lagi hafazan”. PS 2 juga menjelaskan, “di sini kami menggunakan kaedah hafazan macam biasa dan pelajar akan buat ulangan sampai mereka lancar. Dekat sini juga kita gunakan kaedah tahriri yang mana pelajar perlu menulis semula ayat hafazan mereka dan diperuntukan masa selama dua jam bagi setiap hari persekolahan. Lebih kurang empat masa lah”. Hal ini menyokong kepada kajian para sarjana yang menyatakan bahawa keberkesanan PdP tahfiz itu haruskan melalui beberapa proses antaranya ialah kitabah iaitu penulisan al-Quran (Abu al-Wafa,1999; Abu al-Fida, 2006; Darul Quran, 2007). Ini telah menunjukkan kurikulum yang sedang dilaksanakan di MITS Bagan Terap melalui proses PdP yang baik dan tersusun mengikut kaedah yang betul.

Setiap pelajar tahfiz di sekolah ini dipantau oleh guru-guru tahfiz bagi mengukur keseluruhan kemajuan hafazan oleh para pelajar. Menurut PS 2 “Ok dekat sini, para pelajar perlu tasmik hafazan mereka 1 hari 1 muka. Mereka akan tasmik bacaan dihadapan guru hafazan mereka lah. Sehari mesti kena habiskan satu, tapi kalau kata tak habis maka dia akan bertambah lagi muka surat bacaan dia tu. Kadang-kadang macam pelajar ni dia suka tasmik dekat kawan dulu untuk semak bacaan lepas tu baru mereka datang menghafaz dengan kita”. Dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran serta kurikulum yang baik, pemantauan amat penting bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai. Guru memainkan peranan penting bagi memastikan input pengajaran dapat diterima oleh pelajar dan seterusnya memberi impak kepada pemahaman pelajar. Sebagaimana yang disebut oleh Meier (2000), pembelajaran aktif memerlukan kepada latihan atau praktis amali bagi mempercepatkan proses pemahaman. Ianya selari dengan cara pembelajaran kurikulum tahfiz yang memerlukan kepada pengulangan

hafazan yang perlu disemak dan dipantau agar ianya lebih berkesan dan mencapai matlamat (Rohimah Nasaiah, 2019).

Dalam aspek penilaian yang dijalankan oleh pihak sekolah keseluruhan kemajuan program tahfiz di sini dinilai melalui peperiksaan. PS 1 menjelaskan “selalunya kita akan menilai melalui bentuk peperiksaan. Kalau di sini kita ada empat kali peperiksaan untuk semua murid supaya kita dapat tau lah tahap kemajuan pelajar tersebut. Kita dekat MITS Sabak Bernam ni juga ada beberapa peperiksaan besar iaitu PT3, SMA, SMTD, SMTQ, SUUA akan dibuat pada tahun ni, SPM STAM, dan SPMTurath bagi yang ambik aliran turath”. Jika disoroti dari kajian yang lepas, penilaian merupakan salah satu perkara yang penting dalam pengajaran hafazan. Ia merupakan salah satu dari sub elemen dari model yang telah diujahkan oleh al-Qabisi (1955) di bawah elemen proses yang menyatakan penilaian dapat menjadi kayu ukur kepada sepanjang proses pengajaran yang berlaku. Penambahbaikan dapat dilakukan disetiap penilaian yang telah dilaksanakan. Ini sekali lagi menunjukkan perkara-perkara penting yang perlu ada dalam pengajaran tahfiz benar-benar dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh MITS Bagan Terap. Manakala dalam aspek ko-kurikulum, pelajar juga turut didedahkan dengan aktiviti ko-kurikulum. Hal ini dijelaskan oleh PS 2 seperti berikut : “dekat sini uniknya, pelajar kita ni aktif dalam kokurikulum, kita sampai pernah pergi peringkat negeri, jadinya bagi sesiapa yang masuk sukan contohnya bola sepak dia kena habiskan hafazan dia dulu baru dia lepas saringan untuk jadi wakil sekolah untuk acara tersebut”. Setiap penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum ini akan direkodkan oleh guru-guru yang terlibat. PS 1 menjelaskan “kita akan ada rekod la untuk setiap pelajar tersebut. Guru tahfiz dia lah yang akan menentukan sama ada dia boleh pergi atau tak berdasarkan dengan pencapaian hafazan dia pada hari tu.

Manakala objektif ketiga dari dapatan kajian rintis adalah berkaitan dengan aspek prasarana, sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah yang mempunyai kemudahan penghawa dingin di dalam bilik darjah. Pandangan PS 1, “sekolah kita ni, satu-satunya sekolah yang ‘fully’ menggunakan ‘aircond’ laa. Guna kipas tak cukup, pelajar habis berpeluh”. Pada asal penubuhan sekolah ini mengambil tapak kawasan perindustrian. Dan telah diubahsuai kepada sekolah . Menurut PS 1 “dahulunya kawasan ni kawasan perindustrian. Sebab tu kalau dapat tengok, bangunan ni macam kawasan kilang macam tu”. Dan jarak antara kawasan ini pun agak jauh. Contoh dewan makan pelajar berada agak jauh daripada asrama. Kalau dekat sini pon cikgu-cikgu nak pergi ke Kantin pon ada yang naik kereta atau motor sebab jauh sikit Kawasan dia. Lagi satu, kawasan padang yang kosong tu nanti pihak sekolah bercadang untuk buat bangunan sekolah empat tingkat bagi menampung pelajar kita yang semakin ramai ni”.

Kemudahan prasarana adalah merupakan antara elemen sokongan yang penting ke arah mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif serta keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya adalah antara komponen yang mampu mempengaruhi iklim sekolah serta menghasilkan konteks yang dapat mempengaruhi penerimaan input pengajaran kepada para pelajar. Suasana persekitaran sekolah mampu mempengaruhi psikologi dan emosi warga sekolah samada murid, guru mahupun semua kakitangan sekolah (Ahmad Zabidi Abdul Razak, 2006 dan Azmi Abu Yamin & Siti Noor Ismail, 2013). Ianya akan memberi motivasi kepada para pelajar dan seterusnya kebolehan mereka bagi menjalani pembelajaran yang berkesan. Dalam konteks kajian ini, kemudahan prasarana yang baik merupakan sesuatu yang diharapkan oleh warga sekolah bagi mereka mencapai matlamat pendidikan tahfiz dan akademik yang disasarkan.

Dari aspek sumber kewangan yang diperolehi untuk menambahbaik kemudahan infrastruktur sekolah ini kebanyakannya dana adalah melalui kerjasama PIBG. Menurut PS 1 “ di sini kita ada kelab PIBG. Jadi ibubapa pelajar juga banyak membantu bagi kemudahan yang terdapat disini lah. Selain itu, daripada yuran-yuran dan peruntukan yang diberikan oleh pihak JAIS kepada kita”. Peranan pelbagai pihak ternyata amat penting dalam membangunkan sekolah melalui sumbangan dan penyediaan kewangan yang terancang. Dalam keadaan ini, pihak JAIS

merupakan sumber utama kewangan bagi pengurusan sekolah disamping mendapat bantuan tambahan daripada pihak berkepentingan. Pihak berkepentingan ini adalah terdiri daripada ibu bapa melalui peranan PIBG serta pelbagai pihak luar misalnya NGO atau orang perseorangan. Ianya disokong oleh Norfariza Mohd Radzi, Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj dan Mojgan Afshari (2014) yang menekankan ciri-ciri kewangan sekolah yang berkesan seharusnya disokong dengan bantuan kewangan daripada pelbagai pihak berkepentingan.

Namun kemudahan prasarana sekolah ini perlu ditambahbaik dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan murid. Perkara ini turut diperjelaskan oleh PS 2 “kemudahan infrastruktur yang disediakan ini sudah lengkap ataupun masih lagi perlu kepada penambahbaikan. Masih lagi perlu penambahbaikan memandangkan kawasan ini dulu adalah kawasan perumahan kilang dan merupakan tanah wakaf yang diberikan oleh kerajaan Selangor kepada kita. Jadi perlunya kepada penambahbaikan yang berterusan contohnya pihak sekolah bercadang untuk membuat bangunan sekolah sebanyak empat tingkat di kawasan padang yang lapang di tengah sana. Kalau semua perasan, ada kawasan padang sikit dekat tengah tu dan kita akan bangunkan lah bangunan bagi menampung keperluan pelajar di situ”. Ini merupakan perkara yang perlu diatasi dengan segera oleh pihak sekolah kerana faktor persekitaran termasuklah infrastruktur di sekolah amat penting kerana ia akan mempengaruhi pencapaian prestasi murid di sekolah (Hanafi, W. A. W., Ahmad, S., & Ali, N. (2017)

PS 1 juga menyatakan “Kita akan buat penambahbaikan lah dari masa ke semasa untuk keselesaan dan kemudahan pelajar disini. Dan kita akan guna sehabis baik kelengkapan yang ada bagi kemudahan semua”. Justeru pengurusan infrastruktur dan prasarana adalah proses berterusan yang memerlukan kepada penambahbaikan dari semasa ke semasa. Sebagaimana yang difahami bahawa pendidikan adalah merupakan satu sistem yang kompleks dan berkait, maka ianya memerlukan kepada penambahbaikan terhadap input dan proses pendidikan agar ianya mampu memberi impak kepada hasil akhir pendidikan. Sekolah berkesan adalah sekolah yang tidak hanya mempunyai kepimpinan yang cemerlang, malahan disokong dengan persekitaran sekolah yang kondusif melalui kemudahan fizikal dan persekitaran yang teratur (Muhammad Faizal A. Ghani, 2019)

6.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian yang diperolehi boleh dijadikan sebagai asas bagi menentukan institusi yang terbaik bagi memenuhi permintaan masyarakat serta dapat meneliti tentang kekuatan dan kelemahan yang dihadapi oleh pihak pengurusan pendidikan tahfiz sains negeri Selangor. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memenuhi keperluan daripada pelbagai pihak yang memerlukan seperti ibubapa, pelajar, pengurusan pentadbiran dan semua yang terlibat. Dengan adanya kajian ini, ianya juga dapat membantu pihak pengurusan bagi memperbaiki sistem pentadbiran dalam meningkatkan kualiti infrastruktur, kaedah atau model pengajaran dan sistem pendidikan di institusi tahfiz sains di Negeri Selangor. Justeru itu, kajian ini telah mengemukakan beberapa langkah susulan bagi mengatasi kelemahan dan kekuatan yang dihadapi oleh pihak pengurusan pendidikan tahfiz serta mengenalpasti matlamat dan hala tuju pendidikan tahfiz terutamanya di Negeri Selangor.

7.0 RUJUKAN

- Abu Al-Fida', Muhammad izzat. (2006). *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri iklim sekolah berkesan: Implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31 hlmn 3-19
- Darul Quran (2007). *Kaedah hafazan al-Quran*. Selangor. Medan Hikmah Sdn. Bhd.
- Al-Qabisi, (1955). *Ar risalah al mufassolah li ahwal al mua'llimin waahkam al- mua'llimin wa mutallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.
- Hanafi, W. A. W., Ahmad, S., & Ali, N. (2017). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan (Cultural and environmental factors in the educational performance of Malaysian aboriginal children: A Kelantan case study). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5).
- Azmi Abu Yamin and Siti Noor Ismail. (2013) Hubungan Iklim Sekolah Dengan Pencapaian Pelajar Di Sekolah-sekolah Menengah Berprestasi Tinggi Dan Rendah Dalam Daerah Kota Bharu Kelantan. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia
- Azmil Hashim (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran negeri Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnal Jemali, Aderi Che Noh (2014). *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar*. Journal of al-Quran and Tarbiyyah. V.1. Issue 1. hlmn: 9-16.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill.
- Creswell, J.W. (2005). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Gay, L. R. & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies for analysis and application*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Hisyam, Azuki dan Binyamin (2014). *Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan; Satu Pengamatan Awal*, 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education. hlmn : 1-15.
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2016).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2003). *Sambutan 35 Tahun JAKIM: Penjana Umat Bertaqwa dan Progresif*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Mardhiah Yahaya (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA*. (Tesis Sarjana) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mardhiah Yahaya, Zetty NurZuliana, Aslam Farah (2018). *Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis*. e-Proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK3 2018): 141-148.
- Meier, D. (2000). *The Accelerated Learning Handbook*. New York: Mc Graw Hill
- Misnani Jemali, Ahmad Sadadi, H. (2003). Hubungan antara kaedah Menghafaz Al- Quran dengan pencapaian kursus Tahfiz WA Al-Qira'at pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz Wal Qira'at di Perak. Kertas kerja dibentang di Seminar Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al- Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia, Melaka.
- Misnani Jemali, Azmil Hashim. 2015. Kajian mengenai hubungan antara teknik pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan al-Qur'an para pelajar. *Jurnal Perspektif* 6(2) hlmn: 15-25.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim (2008). *Pengajaran Matapelajaran Hafazan al-Quran: Satu Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Zon Tengah*. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Muhammad Faizal A. Ghani. (2019). Rekabentuk instrumen sekolah berkesan Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 7(1) hlmn: 1-26
- Noor Hisyam Md Nawawi, Nasrun Hakim Salleh. (2011). *Pembinaan Model Pengajian Tahfiz di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 (ISPEN-i 2016). V.5. issue 1. hlmn: 220-229.
- Nordin Ahmad (2015). Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan tahfiz di Malaysia. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara.
- Nordin Ahmad, Mohamad Toriq, Dr. Yusri, Shahidah (2018). *Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik*. Selangor: Darul Quran JAKIM.
- Norfariza Mohd Radzi, Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj & Mojgan Afshari. (2014). Financial decentralization in Malaysian schools: Strategies for effective implementation. *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 1(3) hlmn 1-13
- Norlizah, C.H., Fathiyah, M.F., Ahmad Fauzi, M.A., Lukman, A.M. dan Wan Marzuki, W.J. (2015). *Tahfiz Schools Entry Requirement and Characteristics of Tahfiz Students*, International E-Journal of Advances in Education, Vol.1, Issue 3, December 2015.
- Rohimah Nasaiah, (2019). Proses pelaksanaan pembelajaran tahfiz Al-Quran di pondok pesantren Al-Quran Harsallakum Kota Bengkulu. Tesis Sarjana IAIN Bengkulu.
- Solahuddin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November.
- Solahuddin Ismail. (2016). *Sejarah Perkembangan Dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia: Manhaj dan Model*. Muzakarah Institusi Tahfiz Negara Wilayah Utara. Issue November: 1-12.
- Tajul Ariffin Noordin (1988), *Konsep Asas Pendidikan Sepadu (Kuala Lumpur)*. Nurin Enterprise.
- Wan Muhammad Abdul Aziz. (1995). *Ke arah penyelarasan sistem pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia*. Jurnal Institut Pengajian Tahfiz al-Quran. Bil 1.1-8.
- Yin, R. K. 1994. *Case Study Research: Design and Methods*. Edisi ke-2. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Zuraidah Othman, Dr Hj Aizan. (2014). *Pendidikan Integratif Dalam Islam: Kesepaduan Iman, Ilmu Dan Amal*. Jurnal Al-Muqaddimah. V.2. Issue C. hlmn: 2-6.